

Bersama semarak Hari Kebangsaan

Beberapa hari lagi, kita akan memasuki bulan kebangsaan iaitu bermula 1 Ogos hingga 16 September. Setiap tahun, hari kenegaraan ini disambut seluruh rakyat dengan penuh kebanggaan dan semangat patriotik.

Kibaran Jalur Gemilang di seluruh negara seolah-olah menjadi sesuatu 'wajib' sebagai lambang menyemarakkan sambutan bulan kebangsaan atau bulan kemerdekaan negara.

Tahun ini, sambutan hari kebangsaan ialah ulang tahun kemerdekaan ke-63. Dijangkakan sambutan kali ini, amat sederhana disebabkan negara masih berada dalam fasa pemulihan COVID-19. Namun, kita yakin sambutanannya akan tetap meriah.

Apa pun, sambutan hari kebangsaan disertakan ulang tahun ke-50 Rukun Negara amat bermakna buat negara dan rakyat. Ingatan dan penjiwaan semula Rukun Negara sebagai ideologi negara akan menjadikan pemikiran, semangat dan orientasi sikap rakyat lebih dinamik dalam menjadikan negara ke arah masyarakat tinggi semangat perpaduan dan membawa negara ke arah kemajuan lebih cemerlang.

Kita perlu membangunkan satu budaya baharu bersifat nasional bagi tujuan menggerak dan melonjakkan perubahan serta kemajuan dalam semua

sektor sama ada bersifat pembangunan ekonomi (kebendaan) dan spiritual (kerohanian). Pencapaian seimbang penting sebagai indeks atau petunjuk kita benar-benar merdeka secara fizikal, minda dan spiritual.

Jika kita hanya berbangga pencapaian ekonomi sedangkan masyarakat kita mungkin luntur semangat kenegaraan dan mundur minda serta kerohanian hingga menimbulkan pelbagai masalah, kita sebenarnya belum berada dalam kerangka kemerdekaan sebenar. Masyarakat akan pincang dengan pelbagai masalah menghantui kehidupan dan mengganggu kestabilan serta keharmonian.

Dalam konteks etos kerja, nilai dinamik perlu diterap dan dibangunkan dalam kalangan rakyat agar dapat menghala kepada semangat kerja tinggi. Kerja bukan semata-mata untuk diri, bahkan negara atas semangat patriotisme. Nilai utama seperti ketekunan, kesungguhan, ketelitian, kerapian, kecekapan dan bekerja penuh integriti perlu disuburkan dalam masyarakat.

Etos kerja ini harus disuburkan dan dijiwai sebagai nilai budaya kerja nasional supaya menjadi pemangkin ke arah lonjakan berganda kemajuan negara. Inilah semangat mesti digarap



dalam menghayati sambutan Hari Kebangsaan.

Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini ialah Malaysia Prihatin yang bermakna seluruh rakyat berganding memerangi pandemik COVID-19. Penghayatannya mesti diperluaskan kepada prihatin terhadap semangat untuk terus membangunkan negara ke arah kemajuan cemerlang.

Walaupun kita berdepan keadaan sukar dengan ekonomi, sosial dan politik berdepan risiko, dengan disiplin serta semangat tinggi kita tetap gagah hadapi cabaran sukar ini dengan kekuatan mental, semangat dan kemahuan.

Kemahuan dan kesungguhan ditunjukkan rakyat ialah lambang patriotisme yang mesti dikekalkan. Pemimpin politik juga harus bersifat patriotik dengan bersikap matang dan rasional dalam berpolitik.

Dalam negara memasuki tahap pemulihan dan rakyat masih bergelut

memulihkan kehidupan, ahli politik mesti mengelakkan krisis dan 'perang' politik sesama mereka supaya kestabilan politik negara tidak tergugat. Peralihan kuasa kerajaan kepada Pakatan Nasional (PN) melalui kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, yang diuruskan Baginda secara demokratik hendaklah dihormati. Bukankah kesetiaan kepada Raja dan Negara menjadi antara lima prinsip Rukun Negara?

Kesimpulannya, sambutan Hari Kebangsaan bukan sekadar mengimbau kembali perjalanan sejarah kemerdekaan negara tetapi ia perlu melihat kepada usaha pengisian kemerdekaan dan rakyat hidup penuh harmoni serta bersatu padu dan mempunyai jati diri dan semangat patriotisme tinggi.

Mohd Ayop Abd Razid
Batu Caves